

DATE: 16 / 08 / 2007

Tidak perlu perbaharui kontrak sosial – Dr. M

UM-16/8/2007

PUTRAJAYA 15 Ogos – Rakyat negara ini tidak perlu memperbaharui kontrak sosial yang dipersetujui sebelum negara mencapai kemerdekaan kerana perjanjian itu sudah mencukupi.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, kontrak sosial itu merupakan asas kepada kemerdekaan dan jika ia diubah, negara akan menanggung akibat buruknya.

“Kalau kontrak sosial itu dikeluarkan, maka tidak ada maknanya lagi kerana ia adalah asas kepada kemerdekaan negara ini.

“Perjanjian tersebut ada kebaikannya kepada negara dan disebabkan itu juga, rakyat berbilang kaum masih dapat hidup aman dan negara berjaya dibangunkan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perjumpaan dengan Majlis Prihatin Malaysia (Prima) di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Dr. Mahathir menjawab soalan seorang peserta mengenai laporan sebuah akhbar pada Isnin lalu yang memetik, Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai berkata, satu konsensus baru diperlukan bagi menyelesaikan isu-isu sensitif seperti agama, kaum, pendidikan dan hak istimewa orang Melayu yang kini banyak dipertikaikan.

Muhyiddin menekankan bahawa isu tersebut telah berjaya diselesaikan dan dipersetujui oleh para pengasas negara ini, sebaliknya generasi pasca merdeka tidak memahami asas-asas kepada persepakan tersebut.

Kepada satu soalan lain, Dr. Mahathir sekali lagi menjelaskan, beliau sebenarnya tidak menyebelahi parti pembangkang apabila bertindak mengkritik kepimpinan kerajaan sekarang.

Katanya, apa yang beliau lakukan itu adalah kerana sayangkan kepada bangsa dan negara.

“Apabila saya mengkritik sebelah parti saya, itu tidak bermaksud saya sudah menyebelahi pemimpin pembangkang.

“Dahulu pun saya menentang Tunku Abdul Rahman Putra (Perdana Menteri pertama) tetapi itu bukan saya bermakna saya tidak sayangkan UMNO,” katanya.

Jelasnya, beliau bersetuju agar orang Melayu terus menyokong UMNO kerana parti tersebut tidak mempunyai sebarang kesalahan.

Mengenai pembangunan negara, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak perlu menjemput orang luar untuk turut sama merangka pembangunan ekonomi negara ini kerana rakyat dan para pelabur tempatan mempunyai kemampuan untuk melaksanakannya.

Menyentuh tentang Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), beliau melahirkan rasa bimbang sekiranya sebahagian besar pembangunan wilayah itu dikuasai oleh orang asing khususnya rakyat Singapura.